



KESELAMATAN

**ASEAN SKILLS  
COMPETITION 2016**  
WorldSkills  
ASEAN  
Kuala Lumpur 2016



**KEKK**  
Karnival & Ekspo  
Kemahiran Kebangsaan 2016

**24-26 September MAEPS Serdang**



**Info**

**ASC 2016**

- **Pertandingan** ini membabitkan 276 peserta dari 10 negara ASEAN.
- **25** bidang kemahiran akan dipertandingkan.
- **Pertandingan** bermula 24 hingga 26 September.

**Penuntut jurusan Diploma Automotif, Mohamad Faiz Abdullah (duduk tengah) mencuba kereta buatan pelajar Institut Kemahiran Tinggi PERDA, Bukit Panchor, Nibong Tebal, Pulau Pinang.**

# ASC 2016 promosi latihan kemahiran

Berita Harian  
Jumaat, 23 Sept 2016

→ **Pertandingan** membabitkan 276 peserta dari 10 negara ASEAN

**Oleh Wan Nur Faliqha Wan Hazani**  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

**M**alaysia sekali lagi menjadi tuan rumah untuk Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASC) 2016 yang akan berlangsung di Malaysia Agro Exposition Park (MAEP), Serdang, membabitkan 276 peserta dari 10 negara ASEAN.

Pertandingan yang dianjurkan sejak 1995 itu diadakan dua tahun sekali secara bergilir-gilir dalam kalangan negara ASEAN bermula 24 hingga 26 September ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Seri Adenan Ab Rahman, berkata pertandingan itu dapat menggalakkan pembangunan teknikal dan voka-

sional, serta kerja yang berkualiti dalam kalangan belia dan pekerja mahir.

Katanya, ia dapat memupuk kerjasama dalam pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) selain menjalinkan kerjasama di antara kerajaan, industri dan agensi latihan dalam kalangan negara ASEAN.

"Selaras dengan tema program iaitu 'Kemahiran Menjamin Masa Depan' ia mampu memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa bidang kemahiran sangat luas dan mempunyai masa depan cerah.

"Persepsi masyarakat yang stereotip akan bidang kemahiran ini tidak mempunyai masa depan dan tidak mempunyai pendapatan yang rendah harus dikikis. Malah, pada era masa kini kita lihat ramai sahaja orang yang berjaya dalam bidang kemahiran mempunyai pendapatan yang tinggi," katanya ketika ditemui, di sini, baru-baru ini.

**25 bidang dipertandingkan**

Mengulas lanjut mengenai ASC 2016, beliau berkata, sebanyak 25 bidang kemahiran akan dipertandingkan di mana 18 daripadanya dibawah pengurusan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan

Kementerian Sumber Manusia, manakala tujuh bidang adalah di bawah pengurusan Kementerian Kerja Raya (KKR).

"Antara 18 bidang itu termasuk penyenggaraan pesawat, terapi kecantikan, elektronik serta masakan.

"Bagi tujuh bidang di bawah KKR pula termasuk kimpalan, pemasangan paip, penurapan bata serta pemasangan elektrik.

"Dari segi peserta pula, ia terdiri daripada peserta berumur 22 tahun dan ke bawah atau 25 tahun bagi beberapa bidang terpilih.

**Sasar 15 pingat emas**

"Setiap negara hanya dibenarkan menghantar maksimum dua orang peserta bagi setiap bidang yang dipertandingkan," katanya.

Adenan berkata, pertandingan ini berkonsepkan 'hands on' di mana peserta perlu menyiapkan tugas-gasan mengikut tempoh masa yang ditetapkan untuk sesuatu modul.

Katanya, tempoh diberi bagi keseluruhan masa adalah 16 hingga 20 jam iaitu maksimum tiga hari. Setiap bidang kemahiran mempunyai modul antara tiga hingga tujuh modul dan ia perlu dilengkapkan mengikut standard dunia



**Pertandingan itu dapat menggalakkan pembangunan teknikal dan vokasional, serta kerja yang berkualiti dalam kalangan belia dan pekerja mahir"**

**Adenan Ab Rahman,**

Ketua Setiausaha  
Kementerian  
Sumber Manusia

yang ditetapkan.  
"Peserta perlu mencapai markah sebanyak 500 dan ke atas untuk melayakkan mereka memperoleh pingat kecemerlangan.

"Malah, selaku tuan rumah kita menyasarkan wakil negara dapat memperoleh sekurang-kurangnya 15 pingat emas selain menjadi penerima nganjur terbaik untuk ASC kali ini," katanya.

Sementara itu, Adenan memaklumkan bersempena ASC 2016 turut diadakan Karnival terabit sekali Kemahiran Kebangsaan (KEKK) bagi mempromosikan latihan kemahiran di negara ini.

"Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan di karnival terabit sekali gus memberi peluang kepada orang ramai untuk lebih mahami bidang kemahiran ini," katanya.

Beliau turut mengulas mengenai sasaran sebanyak 35 peratus tenaga mahir menjelang 2020, bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi.

"Pihak kami berharap dengan pengajuran pertandingan yang menjadi platform untuk belia dan pelajar dapat mengasah bakat dan kreativiti masing-masing dalam bidang kemahiran ini," katanya.